



Anuar, Munirah johan tilawah

BAGAN SERAI: Anuar Bhusin, 26, dari Sungai Baru, Kuala Kurau, Kerian, muncul Johan Qari Tilawah al-Quran peringkat negeri yang berlangsung selama dua hari di Sekolah Menengah Teknik Kerian di sini.

Anuar mewakili Daerah Kerian mendapat 83 peratus markah keseluruhan.

Beliau yang berkelulusan bidang syariah dari Universiti Malaya (UM) kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah dalam bidang Taranum di universiti sama selain bertugas sebagai tutor di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Johan Qariah pula dimenangi Munirah Razali, 21, dari Lambor Kanan, Parit, yang mewakili Daerah Manjung dengan mencatat markah keseluruhan 80.8 peratus.

Raja Muda, Raja Dr Nazrin Shah berkenaan berangkat menyampaikan hadiah kepada mereka yang akan mewakili Perak ke tilawah peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Sabah pada 27 Jun hingga 3 Julai ini.

Anuar dan Munirah menerima hadiah wang tunai RM5,000, hadiah iringan dan menunaikan Haji dengan kos ditanggung kerajaan negeri.

Turut berangkat Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim; Raja DiHilir Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Raja Puan Muda Perak, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Hashim.

Sementara itu, tempat

kedua kategori Qari dimenangi Mohd Faizan Tajwid (Daerah Perak Tengah) dengan memperoleh 77.7 peratus markah dan Mohd Shahar Jaffri (Daerah Hilir Perak) di tempat ketiga dengan memperoleh 75.5 peratus markah.

Tempat kedua kategori Qariah dimenangi Sa'odah Mohamed (Daerah Hilir Perak) dengan markah 74 peratus dan ketiga, Arbaayah Mohd Dani (Daerah Batang Padang) mencatat markah 73.6 peratus.

Anuar yang ditemui berkata, kejayaan itu membolehkannya mewakili Perak kali kedua di tilawah peringkat kebangsaan.

Munirah yang kini bertugas sebagai guru Kafa di Kampung Deralik, Sitiawan, pula berkata beliau belajar al-Quran daripada bapanya, Razali Hasan. 52.



ANUAR dan Munirah bergambar bersama hadiah kemenangan.